

Musa huraikan sebab Umno beri tempat tokoh muda

TELUK INTAN, Sabtu — Datuk Musa Hitam berkata Umno memberi tempat kepada pemimpin muda untuk membolehkan pengaliran kuasa dibuat secara teratur serta mendedahkan dan memupuk kebolehan mereka.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata dengan berbuat demikian Umno akan bergerak ke depan tanpa terburu-buru sebaliknya setapak demi setapak dengan cara teratur.

"Untuk ini para pemimpin muda perlu dipupuk dan didedahkan kepada berbagai masalah supaya mereka sedar tentang tugas dalam masyarakat majmuk yang memerlukan pimpinan bersikap serta bersistem tadbir adil dan sederhana," tegas beliau ketika berucap merasmikan mesyuarat per-

wakilan Umno Bahagian Hillr Perak di Kampung Gajah dekat sini hari ini.

Datuk Musa yang juga Ketua Perhubungan Umno Perak menekankan kepimpinan sederhana diperlukan dalam Umno kerana sesuatu perkara dibuat oleh Umno itu bukan saja melibatkan ahli Umno dan orang Melayu tetapi juga keseluruhan negara hingga ke peringkat antarabangsa.

"Kalau Umno tidak bergerak berasaskan kesederhanaan adalah ditakuti perjuangan Umno dan kehidupan masyarakat umum yang mahukan pembangunan akan terancam," jelas beliau.

Datuk Musa berkata ahli-ahli muda dalam Umno yang sudah sedar akan keadaan ini hendaklah mengenal pasti unsur-unsur positif dan negatif itu. Mereka kemudian hendaklah menyedarkan masyarakat Melayu.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia